

Newspaper	Berita Harian
Date	09/08/2017

# PM janji terus laksana pelan transformasi

BH-9/8/2017 pg.2

➔ Pelbagai program diiktiraf pakar seluruh dunia dilaksana, pastikan jadi negara berpendapatan tinggi

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

**K**erajaan akan terus melaksanakan pelbagai program pembaharuan yang diiktiraf pakar di seluruh dunia, untuk rakyat dan memastikan Malaysia meneruskan perjalanannya menjadi negara berpendapatan tinggi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata pelan transformasi yang dilaksanakan kerajaan sudah membuahkan hasil dan yakin akan terus berhasil.

“Saya berjanji akan terus melakukan yang terbaik dalam merealisasikan harapan tinggi yang diinginkan semua pihak dalam melaksanakan tugas saya meskipun akur ia adalah satu cabaran dalam menjadikan harapan orang ramai menjadi kenyataan.

“Saya tidak akan mengabaikan tanggungjawab dalam melaksanakan tugas sebagai Perdana Menteri

selagi rakyat mahukan saya terus menerajui negara ini.

“Saya memberi jaminan, kerajaan yang adil dan akan terus memacu ke arah negara yang lebih baik,” katanya berucap pada Forum Ekonomi Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia (NCCIM) 2017 di sini, semalam.

Yang hadir sama, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Presiden NCCIM, Datuk Ter Leong Yap.

## PNK lonjak hampir 51.8 peratus

Perdana Menteri berkata, sejak Program Transformasi Ekonomi dilancarkan pada 2010, Pendapatan Negara Kasar (PNK) melonjak hampir 51.8 peratus dan PNK perkapita dengan menggunakan pendekatan Atlas meningkat kepada AS\$9,850 (RM42,158).

“Berdasarkan paras siling pendapatan tinggi terkini Bank Dunia sebanyak AS\$12,235 (RM52,365), kita (Malaysia) mengurangkan ju-

rang sasaran pendapatan tinggi daripada 38 peratus kepada 19 peratus.

“Sebanyak 2.26 juta pekerjaan diwujudkan, yang mewakili 69 peratus daripada 3.3 juta sasaran yang ditetapkan menjelang 2020. Kita mencatatkan kemajuan yang baik ke arah mencapai sasaran itu,” katanya.

Najib juga menegaskan bahawa keputusan sukar yang diambil kerajaan dengan melaksanakan rasionalisasi subsidi minyak serta Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) juga membuahkan hasil dengan memperlihatkan kedudukan fiskal kerajaan semakin kukuh.

“Biar saya ingatkan anda bahawa ahli politik pembangkang yang memberi amaran mengenai pelaburan China adalah ahli politik yang sama mahukan GST dimansuhkan, tanpa jawapan bagaimana mereka akan mendapatkan pendapatan RM41 bilion yang disumbangkan GST pada tahun lalu.

“Mereka ini penipu dan menye-

barkan penipuan atas kepentingan politik mereka. Mereka tidak melakukan kebaikan kepada rakyat,” katanya.

## Asas pendapatan negara lebih meluas

Beliau berkata, asas pendapatan negara juga kini lebih meluas dan kebergantungan kepada pendapatan minyak dan gas berkurangan kepada 14 peratus sekarang berbanding 41 peratus pada 2009.

“Apakah nasib kita pada hari ini jika negara masih bergantung kepada 41 peratus pendapatan minyak dan gas ketika harga bahan api itu berlegar pada harga AS\$25 hingga AS\$40 satu tong,” tanya beliau.

Perdana Menteri sekali lagi menegaskan Kerajaan Barisan Nasional (BN) bukan kerajaan populis dengan hanya menabur janji untuk meraih sokongan rakyat.

➔ Lagi berita - BISNES Ms. B2